

Headline **Tidak sisih pesakit HIV, Aids**  
Date **25 Jul 2009**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
ADValue **364**

Language **Malay**  
Page No **S23**  
Article Size **91 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
PRValue **1,092**



## Program Stigma kikis persepsi negatif belia

### Tidak sisih pesakit HIV,Aids

**TANJONG KARANG** – Program Stigma dan Diskriminasi HIV dan Aids anjuran Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Selangor dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) berjaya menangkis persepsi negatif masyarakat tempatan terhadap pesakit yang mengidapi penyakit ini.

Pegawai Perubatan PKD, Dr Juita Juraimi berkata, program seumpama ini diharap dapat membuka pandangan orang ramai serta memberi lebih banyak pendedahan kepada mereka agar tidak terus menyisih pesakit yang menghidapi penyakit HIV dan Aids.

“Memang sukar untuk berdampingan dengan orang yang kita tidak tahu status kesihatannya terutamanya bagi pesakit yang dijangkiti HIV dan Aids.

“Tetapi, kita jangan buat tanggapan dan diskriminasi mereka. Sebaliknya, kita perlu berpengetahuan untuk membantu mereka mengurangkan beban yang dialami,” katanya.

Katanya, program ini yang berlangsung di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Tanjong Karang kelmarin, merupakan usaha awal pihak PKD Kuala Selangor untuk mengikis persepsi negatif tersebut terutamanya dalam kalangan belia dan pelajar sekolah.

Pada masa yang sama, beliau juga berharap agar masyarakat dapat menerima pesakit ini dan bersama menjalani kehidupan dalam suasana yang harmoni sebagai masyarakat majmuk yang cemerlang di daerah ini.